

09 OKTOBER 2017

## Guru disiplin, pegawai perhubungan sekolah kena lebih proaktif

### Guru disiplin, pegawai polis perhubungan sekolah kena lebih proaktif

SHAH ALAM - Tindakan segera perlu diambil bagi membendung penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar di negara ini.

Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata,



semua pihak terutama ibu bapa, guru dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu mengambil inisiatif membanteras masalah tersebut di peringkat awal.

"Di sekolah, ada guru disiplin dan pegawai polis perhubungan sekolah. Jadi, mereka ini perlu lebih proaktif membendung masalah ini daripada terus berleluasa.

"Jika didapati pelajar mengambil dadah, ibu bapa perlu dimaklumkan supaya tindakan pemuliharaan dapat diambil dengan segera," katanya, semalam.

Menurutnya, masa depan negara akan gelap jika generasi muda terlibat dadah.

"Apa akan jadi kepada negara jika anak-anak ini terlibat dadah? Siapa akan mentadbir dan jaga negara ini nanti?" soalnya.

Kelmarin, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed memaklumkan PDRM dan Kementerian Pendidikan mengenal pasti 420 sekolah di seluruh negara berisiko tinggi menghadapi masalah penyalahgunaan dadah yang serius.

Mengulas perkara itu, Musa turut menyatakan kebimbangannya kerana angka itu bersamaan 17 peratus daripada 2,408 sekolah menengah.

"Angka ini cukup tinggi dan

membimbangkan. Kecanggihan teknologi hari ini juga dilihat salah satu faktor pembabitan pelajar dalam penyalahgunaan dadah.

"Semuanya di hujung jari. Mereka boleh buat carian mengenai jenis dadah dan pembuatan dadah di internet. Perasaan ingin tahu adalah lumrah anak-anak muda terutama ketika di bangku sekolah.

"Begitu juga pengaruh kawan di alam maya. Kadang-kadang mereka ini tak kenal pun latar belakang rakan mereka, jadi ibu bapa perlu tahu dengan siapa anak mereka berkawan," katanya.